

## Graduan Cermin Masa Depan Negara: Canselor UMS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 27 November 2018 17:57 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 110

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**ISNIN, 26 NOVEMBER** – Para graduan merupakan cerminan masa depan negara yang akan mewarisi tampuk kepimpinan yang sedia ada.

Yang Dipertua Negeri Sabah merangkap Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tun (Dr.) Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin berkata, untuk itu ilmu sangat penting untuk dituntut tanpa mengira kaum, tempat dan waktu.

"Bidalan ada mengatakan bahawa "tuntutlah ilmu sehingga ke liang lahad", diungkap sebagai satu peringatan akan kepentingan ilmu itu sendiri.

"Sesungguhnya jadilah graduan yang mampu mengangkat martabat diri, keluarga, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada semasa penganugerahan sidang pertama Majlis Konvesyen UMS ke-20, di Dewan Canselor UMS.

Tun Juhar berkata, Malaysia masih mempunyai banyak ruang dan peluang untuk terus memajukan diri.

"Kami, generasi lama akan pergi, tinggal anda menjadi warisan, penerus kegemilangan negeri dan negara tercinta.

"Buanglah sifat malas yang akan menjadikan kita lemah, daif dan gagal menyumbang tenaga untuk keluarga, apatah lagi untuk negeri dan negara," jelasnya lagi.

Pada sidang tersebut Tun Juhar menyampaikan skrol ijazah kepada 793 graduan pascasiswazah dan prasiswazah.

Sumber: Emmylia Marry Welly Sintum